

# Times Square siap 2002

BH 23 OCT 2000

Oleh Kadir Dikoh

BERJAYA Times Square, yang sebelum ini pembinaannya perlahan kesan kegawatan ekonomi serantau, kini "hidup semula" dan bakal muncul sebagai kompleks beli-belah dan pusat hiburan terbesar di negara ini apabila siap sepenuhnya menjelang Jun 2002.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melakukan upacara kerja penyudahan dan menamakan semula daripada nama asal, Berjaya Star City, di ibu negara kelmarin. Projek bernilai RM1.9 bilion yang sudah dimulakan sejak Oktober 1995 itu, kini 65 peratus siap.

Pengerusi yang juga Ketua Eksekutif Berjaya Group Bhd, Tan Sri Vincent Tan, berkata wawasan pihaknya ialah untuk menjadikan Berjaya Times Square sebagai destinasi membeli-belah, hiburan dan riadah di bawah satu bumbung yang serba moden dan inovatif, berseesuaian dengan gaya hidup di alaf baru.

"Oleh itu, Berjaya Star City ditukar kepada nama berkenaan bertepatan dengan saiz, konsep dan imej antarabang-

## Kompleks ini bakal muncul sebagai pusat beli-belah dan pusat hiburan terbesar di Malaysia

sa. Selepas menghadapi banyak dugaan disebabkan krisis ekonomi serantau sebelum ini, projek ini kini dapat berjalan lancar kerana kegiatan ekonomi kembali cergas.

"Pembinaannya sekarang menepati jadual siap pembinaan struktur kedua-dua menara bangunan hingga ke puncak iaitu tingkat 45. Apabila siap dalam tempoh 20 bulan akan datang, projek ini akan menjadi sebuah mercu tanda pelancongan terbaru di Kuala Lumpur," katanya di majlis itu.

Tan berkata, Berjaya Times Square akan mempunyai 12 penyewa utama dan 800 lot kedai selain menyediakan bilik jual-beli urusan niaga saham Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Katanya, peruncit utama yang sudah membuat tempahan ialah Debenhams iaitu pakar pereka fesyen terkenal dari Britain yang akan membuka perniagaan di situ.

Beliau berkata, apabila

siap sepenuhnya, Berjaya Times Square akan mempunyai 56 lorong bowling, menjadikannya yang terbesar di negara ini, 50 kafe, bistro dan restoran serta lapan pawagam yang mempunyai 300 tempat duduk selain studio kecergasan.

Ia turut menempatkan taman tema hiburan keluarga dengan jentera riadah seperti "roller coaster", "twin hammer" dan "spinning star" serta kemudahan sukan laskak seperti papan luncur, dinding pendakian, gelanggang bola jaring dan bola sepak jalanan.

"Selain itu, kompleks ini turut mempunyai kemudahan hotel dengan 1,200 bilik perkhidmatan untuk jualan dengan dua pilihan iaitu penginapan pemiliknya atau melalui kaedah pajakan yang akan diusahakan serta diurus oleh Berjaya Vacation Club," katanya.

Pada akhir tahun depan, kerja-kerja pemasangan kelengkapan elektrik dan me-

kanikal akan dijalankan. Salah sebuah menara akan mempunyai kemudahan pendaratan helikopter.

Projek ini terletak di Jalan Imbi, berdekatan Penjara

Pudu atas tapak seluas 5.08 hektar dan mempunyai kawasan binaan seluas 7.5 juta kaki persegi. Ia turut mempunyai 4,500 tempat letak kereta.